

## TAKLIMAT FASILITATOR DAN KETUA ZON EKSA

20/4 - Satu taklimat Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah diadakan di Auditorium MPK. Taklimat EKSA MPK telah disampaikan oleh Puan Norfiza bt. Mahfiz, Pengarah Komunikasi Korporat, MPK. Taklimat ini telah dihadiri oleh Ketua Zon dan Fasilitator dari setiap jabatan di MPK. Taklimat ini merupakan sebahagian daripada gerak kerja EKSA untuk memberi kefahaman tentang pelaksanaan EKSA di MPK kepada wakil jabatan.



Warga MPK!  
Jom Kita  
**BUDAYAKAN  
EKSA**


## WEBINAR KE ARAH PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

09/07- Majlis Perbandaran Klang pada hari ini telah mengadakan sesi webinar bertajuk 'Adakah Amalan 5S Sektor Awam Masih Relevan?' bagi memberi pendedahan dan pengetahuan dalam penambahbaikan Garis Panduan EKSA. Bengkel disampaikan oleh En. Ridzuan Muhammad, Perunding Syarikat Inoktreatif Q yang dihadiri oleh 58 orang peserta secara atas talian terdiri daripada Fasilitator dan Ketua Zon yang dilantik.



## WEBINAR AUDIT DALAM EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

30/08- Majlis Perbandaran Klang telah mengadakan sesi webinar bertajuk 'Apa Yang Perlu Diberi Tumpuan?' bagi memberi pendedahan dan pengetahuan dalam pengauditan EKSA. Bengkel disampaikan oleh En. Ridzuan Muhammad, Perunding Syarikat Inoktreatif Q yang dihadiri oleh 20 orang peserta secara atas talian terdiri daripada Juruaudit Dalam yang dilantik.



## TAKLIMAT AUDIT DALAM EKSA

21/4 - Taklimat Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) kepada juruaudit dalam telah diadakan di Auditorium MPK. Taklimat ini telah disampaikan oleh Pn. Suziana bt. Fiee, Ketua Audit Dalam MPK dan dibantu oleh Puan Roshayati bt. Abdul Rahim.



INFO **EkSA**

- ✓ EKSA MPK telah dilancarkan oleh YBRs Dr. Ahmad Fadzli b. Ahmad Tajuddin, Yang Dipertua MPK pada 12 April 2021 di Dewan Hamzah, Klang.
- ✓ J/K Induk diterajui oleh YDP, Timb. YDP dan 23 orang ketua jabatan MPK.
- ✓ Terdapat 4 zon EKSA di MPK iaitu :  
**Zon A** - Bangunan Ibu Pejabat MPK,  
**Zon B** - Pejabat Cawangan Jln. Tengku Kelana,  
**Zon C** - Pej. Cawangan. Jln. Raya Barat,  
**Zon D** - Pej. Cawangan Jln. Lembaga Bandar.
- ✓ Seramai 27 orang fasilitator telah dilantik di setiap jabatan.
- ✓ Seramai 20 orang juruaudit telah dilantik untuk membuat audit dalam EKSA.



Ekosistem Kondusif Warga MPK Produktif



NASKAH PERCUMA

## SIDANG REDAKSI

Penaung  
Y.BRS TUAN DR. AHMAD FADZLI  
B. AHMAD TAJUDDIN  
Penasihat  
PUAN ELYA MARINI BT. DARMIN  
Ketua Editor  
NORFIZA BINTI MAHFIZ  
Editor  
ROSHAYATI BT. ABDUL RAHIM  
Pereka Grafik  
MAZLAN BIN YAHYA  
Pembantu Penerbitan  
SITI ZUBAIDAH BT. JAMALUDDIN  
D. THILAKAVANI  
KU NORHIDAYAH BT. KU ABDUL HALIP  
Fotografi  
MOHD SHARIL BIN SANIP



Pelancaran EKSA oleh Y.Brs. Dr. Ahmad Fadzli b. Ahmad Tajuddin, Yang Dipertua MPK pada 12 April 2021

## Pelancaran EKSA MPK (Ekosistem Kondusif Sektor Awam) - warga MPK tekad budayakan EKSA

12/04 - Majlis Temu Mesra Yang Dipertua Bersama Warga Majlis Perbandaran Klang telah diadakan di Dewan Hamzah, Klang. Turut diadakan Sambutan Hari Kesihatan Sedunia dan Pelancaran Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) MPK. Tuan YDP dalam ucapannya telah menyeru warga MPK untuk sentiasa komited menjayakan EKSA dan berpadu tenaga untuk memperolehi sijil EKSA. EKSA berupaya meningkatkan imej korporat, menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau melalui pembudayaan Go Green, menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi.

MPK juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Sri Kota Specialist Medical Centre, Klang, Clinipath One-stop Pathology, Pejabat Kesihatan Daerah Klang dan juga Top Glove Tower (sumbangan sanitiser) kerana memberikan sumbangan dan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan kepada kakitangan MPK.



Sesi bergambar Tuan Yang Dipertua MPK, Timbalan YDP Ahli Majlis dan Ketua Jabatan MPK



Pemeriksaan kesihatan disediakan oleh Sri Kota Medical Specialist Centre, Klang



Sesi taklimat Covid-19 dan soal jawab oleh Pejabat Kesihatan Klang



# Pertandingan Sudut Eksa & Kitar Semula @ Sdg

14/09- Pertandingan Sudut EKSA & Kitar Semula @ SDG telah diadakan pada 14 September 2021 di semua jabatan Majlis Perbandaran Klang. Penilaian sudut telah diadili oleh Puan Rohaila Jaafar dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Puan Shahida Suhana bt Abdul Hamid dari Pejabat Daerah/ Tanah Klang (PDTK). Hadiah bernilai RM1000 ditawarkan kepada pemenang sudut terbaik EKSA MPK.



## GOTONG ROYONG PERDANA EKSA

09/03 - Program Pembudayaan EKSA telah bermula dengan gerak kerja Gotong Royong melibatkan semua jabatan di Majlis Perbandaran Klang dengan membersihkan kawasan pejabat masing-masing. Gotong royong telah bermula dari jam 3.00 petang hingga 5 petang. Program gotong royong ini telah menampilkan kesungguhan warga kerja MPK menyahut seruan untuk membudayakan EKSA di MPK.

Syabas! diucapkan kepada semua warga MPK.



Sesi penjurian untuk memilih pemenang pertandingan merekacipta logo EKSA.

## PERTANDINGAN LOGO, MISI DAN VISI EKSA MPKLANG

Majlis telah menjalankan pertandingan merekacipta logo EKSA untuk kakitangan MPK. Pertandingan ini mendapat sambutan daripada kakitangan MPK dan setiap jabatan telah menghantar penyertaan. Penjurian telah dijalankan oleh YDP, Ahli Majlis dan Ketua-ketua jabatan. Pertandingan merekacipta logo EKSA MPK dimenangi oleh En. Mazlan bin Yahya dari Jabatan Komunikasi Korporat, MPK

Hadiah saguhati pula telah



dimenangi oleh kakitangan MPK seperti berikut : Pn. Athirah bt Ab. Malek (Jab. Penilaian), Siti Fasihah bt Muhamad Muktar dan Shairoulnizan bin Mudzir (SDU), Thilakavani a/p Danaraj (Jab. Komunikasi Korporat) dan Mohd Jeffry bin Mohd Annorwar (Jab. Kewangan).

Warga MPK!  
Jom Kita  
**BUDAYAKAN  
EKSA**

## Logo EKSA - pengertian logo

Huruf E dalam bentuk grafik ini adalah singkatan Ekosistem. Bentuk moden ini bermaksud MPK menggunakan teknologi, inovasi dan sebarang sistem kerja yang terkini dan efisien dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

Logo MPK didalam bulatan melambangkan MPK sebagai PBT yang mentadbir kawasan perbandaran Klang.

Rantainya bermaksud impak dan kesan positif EKSA yang tersebar kepada seluruh kakitangan MPK dan penduduk Klang



Daun hijau melambangkan MPK menerapkan konsep hijau dalam perkhidmatan bagi menghasilkan persekitaran yang bersih, selamat dan mesra alam. Dua helai daun kecil dan besar bermaksud perubahan perbagai aspek dalam perkhidmatan yang memberi impak positif.

Moto EKSA MPK

- Warna hijau melambangkan persekitaran yang subur, sihat dan selamat.
- Warna Kuning melambangkan Klang sebagai Bandar Diraja